

Penuntut UPM bina tukun **tiruan**

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Pulau Perhentian

Universiti Putra Malaysia (UPM) menggiatkan usaha memulihara kehidupan laut daripada pupus melalui Program Explorasi Pulau dan Lautan (EPL'14) dengan membina tukun tiruan, di kawasan perairan sekitar Pulau Perhentian, di sini baru-baru ini.

Pengarah Program EPL'14, Ciron Neo, berkata inisiatif ini dilihat mampu membantu pembiakan terumbu karang dan menjadi kawasan pembiakan hidupan laut, sekali gus memulihara khazanah maritim.

Beliau berkata, program berkenaan dilaksanakan hasil kerjasama Sekretariat Kolej Tun Dr Ismail (KTDI) UPM dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM yang disertai 50 pelajar kolej berkenaan.

"Semua peserta dibahagi kepada tiga kumpulan bagi memudahkan mereka membina tukun tiruan berkenaan yang mengambil masa kira-kira lapan jam dengan rekaan yang telah dirancang terlebih dulu.

"Program EPL' 14 ini diharapkan dapat melahirkan rasa tanggungjawab dalam menghargai kehidupan akuatik dan kepentingan menjaga ekosistem hidupan laut," katanya kepada BH di sini, baru-baru ini.

Mengikut spesifikasi

Sementara itu, peserta yang mengikuti program itu, Nura Adila Hamisidin, berkata pembinaan dilakukan bersama peserta lain mengikut spesifikasi yang diluluskan Jabatan Taman Laut Malaysia, Putrajaya (JTLM).

Katanya, menepati spesifikasi itu penting terutama dari segi bahan buatan, reka bentuk dan saiz dalam pembinaan tukun tiruan yang dapat mempengaruhi kehidupan laut terutama tidak mencemarkan perairan mahupun

» Program Eksplorasi Pulau dan Lautan bantu jaga ekosistem hidupan laut



Sebahagian peserta bergambar bersama tukun yang dibina ketika Program Explorasi Pulau dan Lautan di Pulau Perhentian.

Program EPL' 14 ini diharap dapat melahirkan rasa tanggungjawab dalam menghargai kehidupan akuatik dan kepentingan menjaga ekosistem hidupan laut"

Ciron Neo,
Pengarah Program EPL'14

alam sekitar.

"Pada mulanya, kami bercadang menggunakan tayar terpakai sebagai bahan pembuatan tukun, tetapi atas nasihat Jabatan Taman Laut Pulau Perhentian, kami memilih menggunakan paip PVC kerana ia lebih bersesuaian.

Jadi, kami mengambil keputusan membina tukun dengan rekaan huruf UPM," katanya.

Beliau yang kali pertama berkunjung ke Pulau Perhentian terpukau dengan keindahan dan kejernihan laut, selain teruja apabila terpilih antara peserta yang berpeluang menurunkan tukun berkenaan di

dasar laut dengan bantuan pegawai Taman Laut Pulau Perhentian.

Aktiviti lasak

Rakannya, Akmal Zulkifli, antara aktiviti lasak diadakan termasuk berkayak, selam paras permukaan dan skuba dalam mengaplikasikan apa yang telah dipelajari oleh semua ahli sekretariat ketika mengikuti Kem Pendedahan Rekreasi UPM (KPR) pada semester satu.

"Peserta berpeluang berkayak sejauh 10 kilometer (km) dari tapak perkhemahan sehingga Lata Air Berani bagi memberi pendeda-

han kepada mereka secara praktikal mengharungi lautan luas," katanya.

Difahamkan pihak Jabatan Taman Laut Daerah Besut, Pusat Taman Laut Pulau Perhentian melakukan pemeriksaan berkala pada setiap bulan bagi melihat perkembangan dari semasa ke semasa dalam memastikan tukun berkenaan dapat menghasilkan terumbu karang dengan baik.

Selain sebagai tempat pembiakan hidupan laut, aktiviti ini menggalakkan pembentukan terumbu karang yang dapat menjadi tarikan pelancong berkunjung.



Peserta EPL' bergambar selepas berkayak sejauh 10 kilometer.



Empat penuntut membuat persediaan akhir sebelum menurunkan tukun.